

DATE: 16/10/2008

'Mahathir bukan dalang saya dan Najib'

UM - 16/10/2008

KUALA LUMPUR 15

Okt. - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menafikan cakap-cakap bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah perancang utama dalam meningkatkan popularitinya dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pemimpin masa depan negara.

"Saya tidak fikir anda perlu dalam apa cara pun keliru kerana anda lihat kami bersama (dengan Mahathir). Pada hakikatnya kami bertemu dalam sesetengah majlis tidak bermakna ada perkembangan besar berlaku," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Pelaburan Bersama Malaysia-Indonesia pertama di sini hari ini.

Muhyiddin berkata demikian ketika ditanya sama ada Dr. Mahathir ada peranan untuk menentukan pemimpin masa de-

pan negara.

"Beliau (Mahathir) masih lagi dihormati sebagai negarawan veteran Malaysia. Anda juga mempunyai penghormatan tinggi terhadap beliau. Saya tidak fikir kita boleh nafikan hakikat ini. Tetapi sejauh mana beliau telah mempengaruhi dalam aspek pentadbiran, saya fikir ini adalah sesuatu yang Datuk Najib sepatutnya mampu untuk uruskan," kata beliau.

Katanya, Najib mempunyai semua pengalaman dalam pengurusan negara dan telah berkhidmat dengan Kabinet sebelum ini dengan Dr. Mahathir.

"Saya juga ada dalam Kabinet lama dan Kabinet sekarang. Saya fikir ia adalah campuran pengalaman lama, yang saya fikir sangat penting," kata beliau.

Sementara itu pada Majlis Hari Raya Puteri UMNO di sini hari ini, Muhyiddin yang juga Naib Presiden UMNO berkata, pengalaman dan kewibawaan seseo-



MUHYIDDIN YASSIN

rang pemimpin menjadi kriteria utama bagi dicalonkan untuk jawatan tertinggi parti itu dan bukannya kerana faktor umur.

"Mereka (anggota UMNO di peringkat bahagian) ada pengalaman dan pengetahuan serta tahu menilai pemimpin yang ingin dicalonkan. Pengalaman

adalah penting dari sudut parti dan kerajaan, manakala sejarah dan kewibawaan serta kecekapan calon juga diambil kira," katanya diminta mengulas kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin bahawa umur adalah antara faktor seseorang pemimpin UMNO dicalonkan ke jawatan tertinggi parti.

Muhyiddin berkata: "Kadangkang yang muda pun ada pengalaman dan semua perkara diambil kira. Selagi sihat, tajam fikiran dan boleh memikul amanah seseorang itu layak dicalonkan."

Pada majlis yang sama, Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin memberitahu pemberita bahawa beliau yakin akan mendapat cukup pencalonan untuk melayakkan diri bertanding jawatan Ketua Pemuda pada pemilihan parti itu Mac depan.

Ditanya mengenai kelemba-

pan pencalonan terhadapnya bagi jawatan itu, Khairy berkata: "Mungkin sebab saya boleh dikatakan sudah menjadi calon 'underdog' sekarang.

"Jadi saya kena yakinkan balik ahli parti di peringkat akar umbi dan perlu bekerja lebih kuat lagi untuk mendapatkan sokongan daripada mereka."

Setakat ini, Exco Pemuda, Datuk Mukriz Mahathir yang menerima 40 pencalonan telah layak untuk bertanding jawatan itu, sementara Khairy hanya mendapat 19 pencalonan, bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo (12) dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlism Datuk Zahidi Zainul Abidin (1) setelah 72 bahagian Pemuda mengadakan mesyuarat perwakilan.

Kuota bagi layak bertanding jawatan Ketua Pemuda UMNO ialah 39 pencalonan.

- Bernama